

# UTHM mahu buat khidmat masyarakat di setiap daerah

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) dan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar (P3P) menyasarkan melaksanakan program khidmat masyarakat di setiap daerah di negeri ini.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Md Asrul Nasid Masrom berkata, sebagai langkah pertama mencapai sasaran itu, satu program dikenali sebagai *With Wisdom We Care* telah diadakan di Kampung Sahari, Simpang Renggam,

Menurutnya, aktiviti khidmat masyarakat itu bertujuan meningkatkan lagi semangat sukarelawan dalam kalangan penuntut.

"Ia secara tidak langsung



Peserta yang menjayakan program khidmat masyarakat di Kampung Sahari, Simpang Renggam.

memberikan pengalaman baru kepada mereka. Peserta dapat berinteraksi dengan penduduk setempat tanpa mengira usia dan

latar belakang.

"Pada asasnya, program ini dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam

kalangan penuntut FPTP, di samping mewujudkan pertukaran ilmu pengetahuan antara penuntut dan juga masyarakat," katanya

Md Asrul berkata, program itu melibatkan 39 mahasiswa dari FPTP dan 20 keluarga yang melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang tiga hari mereka di sana.

"Antaranya peserta dibawa melawat kilang kek marble yang terletak di Bangunan Kompleks IKS, Simpang Renggam.

"Pemilik kilang, Zaharah Arip telah memberi peluang kepada mahasiswa dan penduduk Kampung Sahari untuk melihat sendiri proses membuat kek," katanya.

Beliau berkata, Program Khidmat Masyarakat 10 Daerah Negeri Johor itu tidak akan berjaya tanpa kerjasama penduduk setempat dan juga beberapa syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) di sekitar Parit Raja yang telah membantu daripada pelbagai aspek.